

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia telah mengalami pembangunan yang pesat sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kemajuan yang dicapai bukan sahaja dapat dilihat dari segi sosioekonomi malahan juga dalam bidang pendidikan. Menurut bancian penduduk pada tahun 2000, didapati bahawa kadar celik huruf di kalangan rakyat Malaysia yang berumur 10-64 tahun telah meningkat daripada 88.6% pada tahun 1991 kepada 93.5% pada tahun 2000. Di samping itu, bilangan penduduk yang berumur 20 tahun dan ke atas yang berjaya menerima pendidikan yang lebih tinggi (iaitu lepasan sekolah menengah, kolej atau universiti) juga menunjukkan pertambahan yang pesat, iaitu peratusannya telah meningkat daripada 8.9% pada tahun 1991 kepada 16.0% pada tahun 2000 (Department of Statistics, 2002).

Dalam pada itu, demi menampung pertambahan bilangan pelajar yang layak menerima pendidikan tinggi, semakin banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta didirikan. Sebagai contoh, bilangan universiti awam telah bertambah daripada hanya 6 buah pada tahun 1980-an kepada 14 buah pada tahun 2000. Perkembangan ini juga sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau menjelang tahun 2020.

Di samping itu, kepentingan pendidikan kepada masyarakat dan negara telah ditekankan oleh Presiden Kennedy dalam amanatnya pada tahun 1963 yang mengatakan bahawa “... *the future of any country which is dependent on the will and wisdom of its citizens is damaged, and irreparably damaged, whenever any of its children is not educated to the fullest extent of his capacity...* ” (Majasan, 1972).

Memandangkan betapa pentingnya pendidikan masyarakat, universiti menjadi perintis untuk melahirkan masyarakat yang berilmu dan berketrampilan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang ada, pelajar lepasan universiti akan mempunyai semangat daya saing yang tinggi. Memandangkan hakikat ini, kajian tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di institusi pengajian tinggi memang wajar. Diharapkan hasil penemuan daripada kajian seperti ini dapat membantu pelajar-pelajar, pensyarah dan pihak pentadbir di institusi pengajian tinggi untuk mengenalpasti faktor-faktor penentu prestasi pelajar dan seterusnya dapat menyusun strategi untuk mempertingkatkan prestasi pelajar dan mutu pendidikan di negara ini.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan perbezaan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar di Universiti Malaya berdasarkan perbezaan latar belakang pelajar dan kesan kecekapan matematik ke atas perbezaan tersebut. Cara pembelajaran/ sikap terhadap pelajaran yang mungkin mempengaruhi pencapaian pelajar turut menjadi tumpuan kajian. Antara tujuan kajian ini ialah:

- (i) Mengkaji pengaruh latar belakang pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar;
- (ii) Mengkaji kesan kecekapan matematik ke atas pencapaian akademik pelajar;
- (iii) Mengkaji pengaruh cara pembelajaran/ sikap terhadap pelajaran kepada pencapaian akademik pelajar;
- (iv) Mengkaji sejauh mana varians pencapaian akademik pelajar dapat diterangkan oleh satu set pembolehubah yang merangkumi faktor-faktor latar belakang pelajar, kecekapan matematik dan sikap terhadap pelajaran;
- (v) Membincangkan strategi untuk meningkatkan prestasi pelajar di universiti.

1.3 Signifikan Kajian

Kajian ini adalah perlu untuk menentukan faktor-faktor yang boleh memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar di Universiti Malaya. Diharapkan penemuan ini dapat membantu pihak pelajar, guru-guru dan pihak pentadbiran Universiti Malaya dalam membuat perancangan program. Ibu bapa juga dapat mengenalpasti peranan mereka dalam usaha meningkatkan pencapaian anak mereka.

Dapatan kajian ini akan membolehkan pelajar-pelajar memanfaatkan kesedaran tentang faktor-faktor penentu yang boleh menyumbang ke arah pencapaian cemerlang. Pelajar-pelajar akan lebih berhati-hati semasa membuat perancangan dan mengamalkan cara pembelajaran yang boleh mempertingkatkan pencapaian akademik. Melalui perubahan sikap terhadap pelajaran, sudah pasti lebih ramai pelajar dapat menyempurnakan kursus mereka dalam tempoh yang djangka. Di samping itu,

pencapaian akademik yang baik juga dapat meningkatkan keyakinan pelajar terhadap kebolehan diri sendiri dan seterusnya memupuk personaliti yang sihat. Golongan ini turut menyumbang tenaga untuk memajukan negara kelak.

Tambahan pula, kesedaran tentang kepentingan pengetahuan dan kemahiran matematik dan sumbangannya terhadap pencapaian matapelajaran lain akan lebih menyakinkan pelajar untuk terus menghargai dan mementingkan ilmu matematik yang dipelajari. Pada masa yang sama, kelulusan dalam Matematik akan terus menjadi pertimbangan utama sebagai kelayakan untuk melanjutkan pelajaran di universiti khususnya dalam jurusan yang memerlukan aplikasi konsep matematik.

Selain itu, diharapkan melalui penemuan kajian ini langkah-langkah yang berkesan boleh diambil oleh pihak pentadbiran universiti untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar. Pihak berkenaan boleh menggunakan faktor-faktor penentu prestasi pelajar dalam menyemak semula syarat kemasukan pelajar ke program-program di universiti di samping merangka kurikulum. Pada masa yang sama, pihak universiti boleh menekankan kursus-kursus motivasi yang boleh membantu meningkatkan prestasi pelajar.

Dalam pada itu, ibu bapa juga akan mengenalpasti peranan mereka dalam memberi motivasi dan galakan yang sewajarnya kepada anak-anak untuk terus maju dalam bidang akademik dan kerjaya yang diceburi kelak. Para ibu bapa juga dapat mengetahui kepentingan pengaruh latar belakang sosioekonomi terhadap pencapaian

pelajar dan dengan demikian mereka akan berusaha untuk menyediakan suatu keadaan belajar yang selesa untuk anak mereka.

Selain itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai akar umbi untuk sekolah mengenalpasti kelemahan dan seterusnya merancang program yang boleh meningkatkan pencapaian Matematik pelajarnya. Penguasaan konsep Matematik turut membantu pelajar dalam usaha mempelajari matapelajaran Sains khususnya. Guru-guru juga boleh menggunakan faktor-faktor penentu prestasi ini dalam menentukan kaedah pengajaran mereka.